

Terap 10 lonjakan untuk perkasa pendidikan tinggi, kata Mohlis

la pastikan keberhasilan lahir pelajar berkualiti penuhi permintaan industri

Oleh Rusnan Mustafa

KUCHING: Warga pendidik politeknik di negeri ini disarankan sentiasa menerap dan mengamalkan 10 lonjakan utama dalam memperkasakan pendidikan tinggi negara yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

Perkara itu ditegaskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Datuk Mohlis Jaafar yang memberitahu bahawa lonjakan

“ Dengan penganugerahan ini, saya berharap ia menjadi pendorong kepada semua penerima meneruskan kecemerlangan dalam tugas masing-masing untuk bekerja lebih gigih dan fokus dalam tugas diamanahkan. ”

Datuk Mohlis Jaafar
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik



UNTUK ALBUM: Mohlis (duduk, tengah) ditemani Rumzi (duduk, dua kiri) dan Fazliana (duduk, dua kanan) merakam kenangan bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 di Politeknik Kuching, semalam.

itu penting bagi memastikan keberhasilan untuk melahirkan pelajar berkualiti yang mampu memenuhi permintaan industri.

“ Dengan penganugerahan ini, saya berharap ia menjadi pendorong kepada semua penerima meneruskan kecemerlangan dalam tugas masing-masing untuk bekerja lebih gigih dan fokus dalam tugas diamanahkan.

“ Justeru, saya berharap anda semua meletakkan 10 lonjakan utama dalam memperkasakan pendidikan tinggi negara sepanjang berkhidmat di sini (Politeknik) bagi

melahirkan pelajar berkualiti dan cemerlang dalam pelbagai aspek serta mampu memenuhi pasaran pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 kepada 66 penerima yang terdiri daripada warga pendidik politeknik Sarawak di Dewan Jubli Perak Politeknik Kuching, Matang dekat sini, semalam.

Selain itu, Mohlis berkata menerusi lonjakan utama tersebut, politeknik telah merangka enam objektif utama dalam memperkasakan

pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

“ Oleh yang demikian, politeknik merupakan ejen yang akan menjayakan agenda besar pendidikan negara ini iaitu menjana modal insan berkualiti yang akan menjadi pewaris kepada kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan negara.

“ Sehubungan itu, warga politeknik harus berfikir secara inovatif dan transformatif dalam mengorak langkah bagi memastikan bidang TVET tidak ketinggalan,” tegasnya.

Malah beliau menegaskan

perkara itu penting agar bidang TVET tidak ketinggalan dalam melahirkan modal insan berkepakaran tinggi yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

“ Justeru, saya menyeru semua warga politeknik memberi tumpuan kepada pelaksanaan kerja yang cemerlang dan berintegriti demi masa depan negara,” ujarnya.

Hadir sama Pengarah Politeknik Kuching Muhammad Rumzi Mamat, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik Ani Fazliana Dahri dan tetamu kehormat lain.